

# Asingkan penagih dadah daripada orang awam

**PUNCA** ibu tiga anak ditikam oleh suaminya sewaktu sedang menyusu bayi yang masih kecil belum diketahui dan masih dalam siasatan.

Bagaimanapun, andaian siasatan awal ialah disebabkan keengganan mangsa menyerahkan wang atau barangan berharga kepada suaminya untuk membeli dadah memandangkan suspek adalah penagih dadah tegar.

Kes seperti ini bukan yang pertama. Bahkan dalam cerpen separuh dongeng pun disebutkan juga bahawa penagih dadah akan berbuat apa sahaja untuk melepaskan gian mereka hatta berbunuhan sekalipun!

Sebab utama pengambilan dadah ialah pengaruh kawan. Mengikut statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan, dari Januari hingga Disember 2005, faktor inilah yang menguasai pengulangan penagihan dadah walaupun telah dipulihkan beberapa kali. Seterusnya ialah kerana sikap ingin tahu, untuk keseronokan dan kerana tekanan

jiwa.

Profil penagih dadah mengikut umur menunjukkan bahawa golongan yang berusia 25 hingga 29 tahun merupakan yang paling ramai menagih. Mereka yang berada dalam lingkungan umur ini umumnya sudah berkeluarga dan mempunyai anak kecil. Disebabkan tidak berkerja dan mengalami tekanan jiwa, penagih tidak teragak-agak untuk mencederakan isteri atau pun anak kecil.

Ia amat mendukacitakan kerana yang menjadi mangsa ialah manusia yang langsung tidak bersalah. Cuma kerana nasib yang malang, maka isteri, ibu, bapa atau anak-anak harus terus menghadapinya selain berdepan dengan masyarakat yang ada kalanya membantu tetapi banyak juga yang memaki-hamun dari jauh.

Sudah tiba masanya masyarakat menyedari bahawa penangan penagih dadah bukan sebarangan. Mereka harus mengambil tahu bahaya yang akan berlaku akibat daripada otak yang rosak boleh menyebabkan

kehancuran dalam sesebuah negara.

Lebih menyukarkan sekiranya ahli keluarga penagih memberi perlindungan kepada penagih dadah kerana keadaan sedemikian merupakan ancaman kepada seluruh ahli keluarga. Banyak keluarga yang cuba berusaha sendiri mengatasi masalah penagihan dadah di dalam rumah mereka tetapi belum dapat dipastikan sejauh manakah nasihat dan teguran setiap hari boleh menyelesaikan masalah penagihan dadah.

Hal yang demikian, selain mengancam keselamatan ahli keluarga, ia turut membahayakan masyarakat kerana penagih akan bertindak di luar dugaan setiap kali ketagihan. Setiap individu harus mengambil serius keadaan ini dan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat tanda-tanda mahu pun mengetahui tentang penglibatan seseorang dalam penagihan dadah.

Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Pindaan) 1998 bertujuan un-

tuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Selain merupakan proses rawatan lanjutan yang menitik beratkan pengawasan ke atas penagih-penagih, ia juga bertujuan memastikannya mereka tidak mengulangi pengagihan mereka.

Penagih dadah wajar diletakkan dalam premis yang diasingkan daripada orang awam kerana keselamatan. Mereka tidak boleh dibiarkan mengancam keselamatan dan keharmonian negara dengan pelbagai kegiatan jenayah yang tidak disangka. Biarlah mereka berubah dengan program pemulihan dan kerohanian yang dipiawaikan, bukannya air tawar yang bagaikan dicurahkan ke daun keladi.

**- NIK SALIDA SUHAILA  
NIK SALEH  
Fakulti Syariah dan  
Undang-undang,  
Kolej Universiti Islam Malaysia  
Nilai, Negeri Sembilan.**